

TDM sasar 100 peratus pekerja am warga tempatan di ladang

ulai 31, 2023 @ 3:35pm



Gambar hiasan. - NSTP/DANIAL SAAD

KUALA LUMPUR: TDM Bhd (TDM) melalui anak syarikatnya, TDM Plantation Sdn Bhd (TDMP), menetapkan sasaran untuk mencapai kadar 100 peratus pekerja am dan 70 peratus penuai tempatan di ladangnya menjelang tahun 2027.

Ketua Pegawai Eksekutif TDMP Hamdan Ibrahim berkata komitmen itu membuktikan bahawa pelaburan dibuat syarikat itu dalam memperkasakan sosioekonomi rakyat Terengganu.

"Menerusi usaha bersama, kami mensasarkan untuk menaik taraf penduduk setempat. Kami yakin usaha yang kami ambil ini penting dalam memastikan kejayaan perniagaan syarikat dan kesejahteraan komuniti setempat terutamanya pada kadar jangka masa panjang," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif TDM Najman Kamaruddin berkata syarikat itu merancang untuk meningkatkan penggunaan mekanisasi dan teknologi pertanian tepat (Precision Agriculture) di ladang-ladang sawit bagi meningkatkan kecekapan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh manusia.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Belanjawan 2023: RM50 juta galakkan automasi pertanian, tarik pekerja mahir tempatan
- TDM, KMI Healthcare kekal taja TSG
- FGV bawa masuk 16,000 pekerja asing tahun depan
- Gaji minimum pekerja ladang Sime Darby RM3,000
- Penggunaan mekanisasi di ladang sawit masih rendah
- SDP guna 100 peratus pekerja tempatan, gaji minimum RM3,000
- Kerajaan salur RM446 juta kurangkan beban pekebun kecil getah sejak 2015
- Sasaran nilai eksport tidak dicapai kerana kekurangan pekerja

"Penggunaan mekanisasi ini diharapkan dapat menarik minat pekerja tempatan untuk menyertai industri perladangan. Selain itu, program latihan berterusan juga akan disediakan kepada pekerja tempatan untuk memperkasakan kemahiran dan teknik-teknik moden menggunakan peralatan-peralatan terkini," katanya.

Menurut kenyataan itu, sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), TDM akan menggunakan ruang dan peluang yang ada untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan bagi mempromosikan peluang pekerjaan di ladang sekali gus meningkatkan kesedaran masyarakat tentang manfaat serta kelebihan menjadi sebahagian kakitangan perladangan di TDMP.

"Syarikat juga komited dalam menyediakan insentif yang menarik buat para penuai tempatan termasuk gaji berasaskan prestasi, penghargaan atas usaha kerja keras dan dedikasi para penuai," katanya. – Bernama